

BAHASA PERIBUMI SARAWAK: TINJAUN AWAL ETNOLINGUISTIK TERHADAP BAHASA LAHANAN DAN UKIT

Oleh: Zainal Abiddin Masleh

Pengenalan

Bahasa merupakan alat terpenting dalam kehidupan manusia untuk menyatakan daya fikir serta membentuk lingkungan budaya kehidupan bermasyarakat. Bahasa merupakan khazanah yang diwarisi secara turun-temurun. Namun sejauh mana kemampuan bahasa itu terus dituturkan masih menjadi perbincangan dan pengkajian oleh sarjana-sarjana bahasa. Kramsch (2000:3-4) menyatakan bahawa bahasa ialah sistem tanda mengungkapkan, membentuk dan simbol budaya sesuatu bangsa. Manakala Duranti (1998:5) menyatakan bahawa bahasa digunakan secara tetap untuk membina dan menyilang budaya. Melalui bahasa, kebudayaan suatu bangsa dapat dikembangkan, dibina dan diwariskan kepada generasi berikutnya. Pandangan ini pastinya berasas dan disetujui oleh para sarjana bahasa. Secara intrinsiknya ungkapan "bahasa menunjukkan bangsa, pupus bahasa, pupuslah bangsa" memperjelas bahawa sesuatu bangsa dapat dikenali melalui bahasanya (Hassan Ahmad, 2007:9). Pentingnya bahasa sesebuah etnik mempunyai perkaitan yang begitu rapat dengan pelestarian budaya. Mohd Sharifudin Yussop (2007:1) turut menyebut bahawa:

"kekebalan jati diri manusia yang sentiasa berhadapan dengan ancaman perubahan ialah bahasa. Kata-kata hikmat bahawa 'bahasa menunjukkan bangsa' terpakai untuk semua manusia yang berbahasa di dunia".

Peccei (1999) mengemukakan bahawa dalam banyak bahasa yang ada di dunia, perbezaan usia sering menimbulkan perbezaan bahasa kerana bahasa menjadi wahana utama dalam memenuhi tuntutan kehidupan manusia untuk menyampaikan ekspresi tentang dunia, dan wawasan tentang dunia sekitarnya. Persidangan Umum Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengisytiharkan 21 Februari pada setiap tahun sebagai

sambutan Hari Bahasa Ibunda Sedunia bermula tahun 2000. Sambutan ini sebagai pengiktirafan kepada kepelbagaian bahasa dan budaya penduduk dunia. Sambutan ini juga untuk menunjukkan keprihatinan UNESCO tentang perlunya pelestarian bahasa ibunda di samping menggalakkan penggunaan lebih daripada satu bahasa dalam sesebuah negara.



Rumah panjang masyarakat Berawan, Long Teru, Tinjar, Baram.

Bangsa dan Bahasa Kajang

Pelbagai takrifan dan justifikasi telah dilontarkan oleh para sarjana bahasa dan budaya tentang kewujudan bangsa Kajang. Pasti timbul pelbagai persoalan apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan bangsa Kajang? Siapakah yang disebut sebagai bangsa Kajang? Di manakah bangsa Kajang menetap? Persoalan ini sebenarnya banyak dibincangkan oleh sarjana dan pengkaji budaya terutamanya Jerome Rousseau, Ida Nicolaisen, Tom Harrisson dan Shanti Thambiah. Tom Harrisson beranggapan bahawa Kajang tidak penting dan tidak begitu signifikan kerana sekadar pengelompokan bangsa (1954), manakala Ida Nicolaisen (1976) tertarik dengan kewujudan bangsa Kajang kerana



Unsur-unsur budaya dalam masyarakat Lahanan harus dipertahankan.

beliau melihat Kajang sebagai titik permulaan wujud kesedaran politik dalam kalangan Laja Punan ketika itu terutamanya perkaitan kajian beliau iaitu Kupa Kanyan. Jerome Rousseau (1990) pula banyak mengaitkan isu Kajang dengan perasaan rendah diri kaum Punan amnya dan Laja Punan khususnya.

Walaupun tidak menamakan siapa yang dimaksudkan Laja Punan, Jerome sebenarnya jelas merujuk kepada Kupa Kanyan. Kupa Kanyan pula berpendapat Kajang merupakan kaum yang bukan daripada suku kaum Iban, Cina, Bidayuh, Melayu dan bangsa Eropah (rujuk Ida, 1976, 1977, 1990). Definisi Kajang yang diberikan oleh beliau juga jelas mempunyai maksud tersirat dan tersurat. Malah beberapa catatan pemerhatian yang dibuat oleh Ida dan Jerom menunjukkan Kupa Kanyan mencakup kaum Beketan, Tanjung dan Ukit dalam kaum Kajang walaupun perkara ini belum disetujui. Bangsa Kajang dikenal pasti mendiami tebingan sungai Balui terutamanya di kawasan bawah Long Murum, Belaga.

Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan menjelaskan bahawa kedudukan bangsa Kajang bersandarkan Perkara 161A (7) yang menyebut: Peribumi Sarawak ialah Bukitan, Bisayah, Dusun, Orang Laut, Dayak, Dayak Darat, Kadayan, Kalabit, Kayan, Kenyah [termasuk Sabup dan Sipeng], Kajang [termasuk Sekapan, Kejaman, Lahanan, Punan, Tanjong, dan Kanowit], Lugat, Lisum, Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sihan, Tagal, Tabun, dan Ukit]. Manakala *ethnologue languages* (<http://www.ethnologue.com>) badan pengkaji dan penyelidik bahasa antarabangsa mengelompokkan tujuh etnik dalam rumpun bangsa Kajang iaitu Bukitan, Kejaman, Lahanan, Punan Batu, Sekapan,

Sihan dan Ukit yang juga dikenali sebagai ras Melanau-Kajang. Kajian akan dilakukan terhadap bahasa Lahanan dan Ukit yang tinggal di kawasan Skim Penempatan Penduduk Sungai Asap yang terdiri daripada hampir 10,000 orang penduduk yang merangkumi 1693 keluarga yang mewakili lima kumpulan etnik iaitu Kenyah, Kayan, Penan, Ukit dan Lahanan. Kaum Lahanan hanya mempunyai 614 orang (6.14%) penduduk dan Ukit mempunyai 302 orang (3.02%) penduduk.

Kematian dan Kepupusan Bahasa

David Crystal dalam Azizah Md. Hussin (2002: 309) menyatakan bahawa matinya bahasa apabila penuturnya mati akibat bencana alam,

kebuluran, penyakit, peperangan, dan sebagainya. Namun sesuatu bahasa juga mati kerana keghairahan penggunaan bahasa Inggeris secara global, asimilasi global dan penjajahan budaya. Walau apa pun faktor fizikal dan psikologi yang dikemukakan, sikap penutur bahasa itu sendirilah yang menjadi faktor terpenting. Bagi melestarikan sesuatu bahasa, kalangan penuturnya haruslah bersikap positif terhadap bahasa sendiri dan mengetepikan istilah dominasi bahasa kerana ini merupakan suatu tanggapan penutur tersebut. Namun beliau menegaskan bahawa matinya bahasa apabila tiada lagi penutur bahasa tersebut. Pada hakikatnya bahasa memang mati. Kematian bahasa berkait dengan bangkit dan jatuh bangunnya sesuatu budaya sesebuah bangsa. Kematian bahasa menurut Oxford Concise Dictionary of linguistics (2005), ialah "*disappearance of a language whose speakers progressively switch to using another*" manakala takrifan dalam Random House



Rumah panjang masyarakat Berawan, di Long Jegan.

Bil.	Nama Kaum	Jumlah	Catatan
1.	Lahanan	614 orang	Dipindahkan ke skim penempatan penduduk Sungai Asap
2.	Kejaman	832 orang	
3.	Ukit	302 orang	Dipindahkan ke skim penempatan penduduk Sungai Asap
4.	Sekapan	655 orang	
5.	Punan	1231 orang	Bukan kaum Penan tapi sub kumpulan kaum Kajang
6.	Sihan / Sian	202 orang	
7.	Bukitan	701 orang	Tinggal di Ng Merit, Kapit

Pecahan penduduk berdasarkan pengelompokan *ethnologue languages*

Sumber : Pejabat Daerah Belaga 2004

Unabridge Dictionary (2006) pula menjelaskan bahawa kematian bahasa diistilahkan sebagai *“the complete displacement of one language by another in a population of speakers”*. Kematian bahasa juga akan berlaku secara beransur-ansur apabila penuturnya mula beralih kepada bahasa lain dan meninggalkan bahasa ibundanya.

Bahasa, menurut Bopp (1827; dalam Jespersen 1922:65), dapat diibaratkan sebagai makhluk hidup berkembang dan lambat laun akan mati. Hal ini ditegaskan pula oleh Tampubolon (1999: 4) bahawa kematian bahasa tidak terjadi secara tiba-tiba, tetapi melalui proses yang panjang. Sementara itu, menurut Aitchison (1981: 209, 216) dan Tampubolon, 1999), ada dua jenis kematian bahasa, iaitu (1) bunuh diri bahasa *“language suicide”* dan (2) pembunuhan bahasa *“language murder”*. Lebih lanjut dikatakan bahawa bunuh diri bahasa terjadi kerana suatu bahasa terlalu banyak meminjam kosa kata asing sehingga bahasa tersebut berubah sifat secara keseluruhan (bahasa Tok Pisin di

Papua New Guinea, yang terlalu banyak meminjam kosa kata bahasa Inggeris Australia). Pembunuhan bahasa menyangkut kematian yang terjadi kerana bahasa itu didesak oleh bahasa lain yang lebih dominan, baik secara sosiobudaya, politik, mahupun ekonomi (bahasa imigran Eropah di Amerika Syarikat terdesak oleh bahasa Inggeris Amerika). Terjadi juga penutur bahasa itu punah atau dipunahkan yang berlaku terhadap bahasa Indian di AS dan Meksiko serta bahasa Aborigin di Australia.

Selamatkah Bahasa Lahanan dan Ukit?

Laman web rasmi Pejabat Daerah Belaga (<http://www.e-belaga.com>) menyenaraikan bilangan penduduk yang mendiami kawasan Belaga. Huraian akan menjurus kepada etnik kaum Kajang. Oleh sebab pelbagai persepsi dan pengelompokan yang telah dilakukan oleh pelbagai pengkaji dan masyarakat setempat, penulis memilih pengelompokan yang dikeluarkan oleh *ethnologue languages* yang menghimpunkan bangsa Kajang kepada tujuh pecahan etnik iaitu Lahanan, Sekapan, Kejaman, Punan Bah, Tanjung, Ukit dan Sian atau Sihan. Berdasarkan perlunya usaha pelestarian bahasa dilakukan timbul kebimbangan kerana kesemua etnik bangsa Kajang dalam pecahan itu terdedah kepada kepupusan atau kematian bahasa. Jumlah penutur yang kurang daripada 1000 orang merupakan angka yang dikhuatiri mengalami persemadian bahasa. Bahasa Lahanan dan Ukit akan menjadi penelitian penulis untuk menjawab beberapa persoalan khususnya mengenai penggunaan bahasa dalam mandala keluarga, mandala masyarakat dan mandala ritual. Tipologi dan kajian leksikon juga akan dilakukan untuk melihat jangka hayat bahasa serta keaslian kosa kata etnik ini.



Wanita masyarakat Ukit.

Tahap-tahap Kepupusan Bahasa

Menurut Grimes, (2000:8), terdapat enam tahap keterancaman dan kepupusan bahasa iaitu :

- a. Pertama, bahasa yang **“critically endangered”**, merujuk bahasa yang berada dalam keadaan kritikal dan nazak. Hanya sedikit penuturnya tinggal dan semuanya berusia 70 tahun ke atas.
- b. Kedua, **“severely endangered”**, ertinya bahasa yang hanya memiliki penutur berusia 40 tahun dan ke atas. Bahasa seperti ini dalam keadaan ‘sakit parah’.
- c. Ketiga, **“endangered”**, ertinya bahasa-bahasa yang penuturnya berusia 20 tahun ke atas, Bahasa seperti ini dalam keadaan terancam punah.
- d. Keempat, **“eroding”**, iaitu bahasa-bahasa yang dituturkan oleh beberapa orang kanak-kanak dan orang yang lebih tua. Kanak-kanak lain tidak lagi menggunakannya. Bahasa seperti ini dalam keadaan terhakis.
- e. Kelima, **“stable but threatened”**, iaitu bahasa yang digunakan oleh semua kanak-kanak dan orang dewasa tetapi jumlahnya sangat sedikit.
- f. Keenam, **“safe”**, iaitu bahasa-bahasa yang tidak mengalami ancaman kepunahan. Bahasa yang masih diperoleh dan dipelajari oleh semua kanak-kanak dan usia dewasa dalam kelompok etniknya. Bahasa-bahasa ini dikategorikan sebagai bahasa yang berkembang.

Manakala Crystal (1990) dan Lauder (2004) menjelaskan bahawa kepupusan dan tahap kepunahan bahasa boleh terbahagi kepada beberapa keadaan :

- (1) Berpotensi terancam punah **“potentially endangered languages”** iaitu bahasa-bahasa yang dari segi sosial dan ekonomi tergolong sebagai minoriti serta mendapat tekanan yang sangat besar daripada dominasi. Generasi mudanya lebih suka berkomunikasi dengan bahasa lain serta meninggalkan bahasa ibundanya;
- (2) Terancam punah **“endangered languages”** iaitu bahasa-bahasa yang tidak lagi mempunyai generasi muda yang dapat berbahasa ibunda. Penutur yang fasih hanyalah kelompok generasi menengah (dewasa);
- (3) Sangat terancam punah **“seriously endangered languages”** iaitu bahasa yang hanya dituturkan oleh generasi tua yang berusia 50 tahun ke atas;
- (4) Nazak **“moribund languages”** iaitu bahasa yang dituturkan oleh beberapa orang tua sekitar 70 tahun ke atas;
- (5) Punah **“extinct languages”** iaitu bahasa yang penuturnya tinggal seorang sehingga tidak ada teman berkomunikasi dalam bahasa itu. Tahap ini merupakan tahap yang sangat kritikal.

Kesimpulan

Berdasarkan pernyataan ini satu kajian perlu dibuat untuk mengenal pasti kedudukan dan tahap kepupusan bahasa bangsa Kajang khususnya bahasa Lahanan dan Ukit. Pengelompokan kedua-dua etnik ini dalam Skim Penempatan Penduduk Sungai Asap juga akan mewujudkan proses dominasi bahasa utama khususnya bahasa Kenyah dan Kayan yang mempunyai bilangan penduduk yang jauh lebih besar. Jumlah penduduk yang mendiami penempatan tersebut hampir 10,000 orang dan hanya terdapat sekitar 614 orang penghuni daripada etnik Lahanan (6.14%) dan 302 orang penghuni daripada etnik Ukit (3.02%) memberi gambaran bahawa dominasi bahasa akan wujud. Perpindahan etnik Lahanan dan Ukit pada tahun 1998 kerana memberi ruang kepada pembinaan Projek Hidroelektrik Bakun menimbulkan persoalan, sama ada anak muda daripada kaum Lahanan dan Ukit akan terus menggunakan bahasa ibunda masing-masing untuk berkomunikasi atau sebaliknya.

Pengaruh ekonomi dan sosiobudaya setempat memperlihatkan bahasa Lahanan dan Ukit ini terus meniti zaman kemalapan. Oleh sebab itu, masyarakat di Skim Penempatan Penduduk Sungai Asap khususnya etnik Lahanan dan Ukit yang majoriti menggunakan dwibahasa / multibahasa untuk berkomunikasi dalam mandala formal atau mandala kemasyarakatan. Kekhawatiran punahnya bahasa ini semakin beralasan namun di manakah kedudukan dan tahap kepunahan atau kepupusan itu perlu dikenal pasti dengan kajian yang lebih mendalam. Bahasa perlu diselamatkan agar khazanah budaya sesuatu tamadun tidak lenyap begitu sahaja. Pelestarian bahasa perlu dilakukan oleh semua pihak. Sarjana-sarjana bahasa hanya mampu menyelongkar, menyelidiki dan mengetengahkan kajian sesuatu bahasa namun kesudahannya ialah sikap penutur dan keprihatinan pemimpin baik di peringkat kaum, daerah mahupun negeri atau negara untuk menjadikan sesuatu bahasa itu terus malar disegarkan atau lenyap ditelan zaman. **P**

Persidangan Umum Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengisytiharkan 21 Februari pada setiap tahun sebagai sambutan Hari Bahasa Ibunda Sedunia bermula tahun 2000.